

Tun M dirai sempena ulang tahun ke-100

BERITA HARIAN 29 JUL 2025 m/s. 15

Majlis anjuran pengasas Palace of The Golden Horses turut melancarkan projek visi Nasional Malaysia 2057

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Seri Kembangan: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sekali lagi diraikan dalam majlis yang dianjurkan pengasas Palace of The Golden Horses, Tan Sri Lee Kim Yew.

Terdahulu, Dr Mahathir tiba bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, kira-kira jam 1 tengah hari, disambut Kim Yew, Tan Sri Mokhzani Mahathir, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan kenalan rapat.

Bertempat di hotel berkenaan, sambutan ulang tahun bertema kan 100 ke 100: Dari Abad ke Abad itu juga melancarkan projek visi Nasional Malaysia 2057.

Kim Yew dalam ucapannya men-



Tun Dr Mahathir melancarkan projek visi Nasional Malaysia 2057 sambil diperhatikan Kim Yew di Seri Kembangan, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

jelaskan, Falsafah 100 bukan sekadar sebagai slogan tetapi sebagai kenyataan yang dihayatinya.

Beliau berkata, dalam angka 100, angka 1 melambangkan kesihatan, keyakinan, integriti dan arah, manakala angka 0 melambangkan kuasa, kekayaan, kemasyhuran dan jawatan.

“Jika angka 1 hilang, maka semua 0 tidak bermakna tetapi jika 1 dikekalkan, maka setiap 0 itu

mendapat nilainya.

“Mahathir sudah menjaga 1 itu seumur hidupnya, saya berharap perjuangan ini akan menyemarakkan semangat generasi muda,” katanya.

Dr Mahathir mencatat sejarah sebagai Perdana Menteri paling lama berkhidmat, menerajui negara selama 22 tahun bermula Julai 1981 hingga Oktober 2003.